**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 18**
**RUANGAN : ISU**

# Dana RM50 juta setahun perangi AIDS

Program intervensi bantu capai matlamat hapus kes menjelang 2030

Oleh Mohamed Sahidi Yusof
bhkb@bh.com.my

Tanah Merah

Kementerian Kesihatan memperuntukkan RM50 juta bagi menjayakan program intervensi setiap tahun, dalam usaha mencapai matlamat mengakhiri AIDS menjelang 2030.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramanian, berkata pelbagai pelan strategik dilaksanakan sepanjang tempoh berkenaan.

Beliau berkata, fokus utama membabitkan pencegahan jangkitan dalam kalangan populasi, pengurangan stigma dan diskriminasi serta meningkatkan ujian dan rawatan.

"Selain itu, pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi Majlis AIDS Malaysia (MAM) dapat mempercepatkan lagi usaha memerangi AIDS.

## Hasrat semakin hampir

"Kesedaran tinggi masyarakat mengenai penyakit berisiko tinggi itu menjadikan hasrat mengakhiri AIDS 2030 semakin hampir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan sambutan hari AIDS Sedunia peringkat kebangsaan di Klinik Kesihatan Kemahang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dan Presiden Majlis AIDS Negara, Baktiar Talhah.

Dr Subramanian, berkata setakat ini terdapat hampir 92,000 pembawa virus HIV di negara ini.

(FOTO MOHAMED SAHIDI YUSOFF/BH)




***Dr Subramanian (dua dari kiri) merasmikan** sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 di Klinik Kesihatan Kemahang, Tanah Merah, Kelantan, semalam.*

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 29**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**



S. SUBRAMANIAM sambil disaksikan Ikmal Hisham Abdul Aziz merasmikan kabin Program Pertukaran Jarum Suntikan (NSEP) Model Klinik Kesihatan dan Unit Dialisis Komuniti Klinik Kesihatan Kemahang, Tanah Merah, Kelantan, semalam. -UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

# Klinik Gual Ipoh dinaik taraf

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusankelantan@utusan.com.my

■ TANAH MERAH 3 DIS.

KEMENTERIAN Kesihatan akan menaik taraf Klinik Kesihatan Gual Ipoh, dekat sini dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di kawasan itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pihaknya akan berusaha melaksanakan projek menaik taraf klinik itu dengan peruntukan sedia ada.

Beliau berkata, bagi permohonan klinik kesihatan baharu di Bukit Mas, Kemahang, beberapa proses perlu dilalui sebelum diluluskan.

> Kita akan cuba memberi keutamaan dengan mengambil kira keperluan di dalam kawasan berkenaan."
>
> S. SUBRAMANIAM
> Menteri Kesihatan

"Saya telah menerima permintaan ini secara baik dan kita akan cuba menaik taraf klinik kesihatan sedia ada sebaik mungkin untuk manfaat rakyat di kawasan ini.

"Kita akan cuba memberi keutamaan dengan mengambil kira keperluan di dalam kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 di Klinik Kesihatan Kemahang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz; Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr. Ahmad Razin Ahmad Mahir dan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Bakhtiar Talhah.

Pada majlis itu, beliau turut merasmiKan Kabin Program Pertukaran Jarum Suntikan (NSEP) Model Klinik Kesihatan dan Unit Dialisis Komuniti Klinik Kesihatan Kemahang.

Sementara itu, Ikmal Hisham berkata, pihaknya amat berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah meluluskan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Gual Ipoh.

"Ini adalah berita baik dan telah lama dinanti-nantikan oleh warga Tanah Merah khususnya untuk penduduk di kawasan Gual Ipoh.

"Dengan perlaksanaan projek menaik taraf Klinik Kesihatan ini, ia bakal memberi kemudahan dan keselesaan kepada penduduk setempat untuk mendapatkan rawatan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Menteri Kesihatan Malaysia," katanya.

**AKHBAR : MALAY MAIL**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : TOP NEWS**

# Dengvaxia dengue vaccine not used in Malaysia

KUALA LUMPUR — The Health Ministry has confirmed the world's first dengue vaccine, Dengvaxia, is not distributed or used by any health facility either in the public or private sector in this country.

Director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this was because the product was not approved as part of the ministry's national immunisation programme.

"Until now, no one is using Dengvaxia in the country," he said in a statement yesterday.

The statement was in response to reports in international and local print and electronic media on Dengvaxia and its suspension by the Philippines following a statement by the producer Sanofi Pasteur on its official website.

Dr Noor Hisham said six years of studying clinical data found Dengvaxia provided protective benefits against dengue fever in those who had prior infection, but the vaccine could lead to more severe symptoms for people who have not been infected.

As a result, the Malaysian Drug Control Authority (MDCA) only granted a two-year conditional registration approval from Nov 25 last year to Sanofi Pasteur.

"Approval is only given for Dengvaxia to be used in Phase IV clinical trials aimed at getting more information on the safety of the vaccine. In addition, the producer has to meet seven conditions before the product can be brought into Malaysia."

The ministry through the MDCA always prioritises consumer safety and caution in approving any product registration, as well as having the product evaluated by the National Pharmacy Regulatory Division to ensure it meets the standards and guidelines set.

The public is urged to ensure products used are registered and have a hologram sticker and labelled with a valid registration number. Checking the registration status of a product can be done by visiting http://npra.moh.gov.my. — Bernama



Dr Noor Hisham says the Dengvaxia dengue vaccine has not yet been approved for the ministry's national immunisation programme. — Picture by Reuters